



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**POLA KOMUNIKASI DALAM IRC: KAJIAN DI ALAMAK INTERNET
WEB FREE CHAT SALURAN MALAYSIA/KAMPUNG_ AMAN**

WAN ANITA BINTI WAN ABAS

FBMK 2002 2

**POLA KOMUNIKASI DALAM IRC: KAJIAN DI *ALAMAK INTERNET*
WEB FREE CHAT SALURAN MALAYSIA/KAMPUNG_AMAN**

Oleh

WAN ANITA BINTI WAN ABAS

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

Februari 2002



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk mendapatkan ijazah Master Sains

**POLA KOMUNIKASI DALAM IRC: KAJIAN DI *ALAMAK INTERNET
WEB FREE CHAT* SALURAN MALAYSIA/KAMPUNG_AMAN**

Oleh

WAN ANITA WAN ABAS

Februari 2002

Pengerusi : Prof. Madya Hj Musa Abu Hassan, Ph.D.

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Komunikasi berantaraan komputer merupakan di antara cara baru manusia berinteraksi pada masa kini. Ia dilihat sebagai mempunyai potensi yang tinggi dalam memudahkan perhubungan di antara manusia tanpa mengira sempadan fizikal, budaya, ruang dan masa. Berdasarkan kepada potensi ini, kajian ini telah meneroka kandungan komunikasi yang telah dibentuk melalui *Internet Relay Chat (IRC)* sebagai salah satu medium baru dalam perhubungan komunikasi berkomputer. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang berasaskan Etnografi Komunikasi bagi mengenalpasti cara gaya para pengguna berkomunikasi di ruang maya ini melalui kandungan pola komunikasi yang telah dibentuk. Dengan itu, data kajian ini didapati melalui rakaman perbualan *IRC* daripada Alamak webchat saluran Malaysia/Kampung_Aman selama 30 minit yang mengandungi 579 ujaran hasil interaksi daripada 120 orang peserta. Analisis interaksi dalam komunikasi *IRC* ini adalah berasaskan kepada grid

model SPEAKING dan teori Definisi Isyarat Peirce. Hasil kajian menunjukkan dalam perbualan *IRC* para peserta membincangkan pelbagai topik dan isu yang kebanyakannya berkait dengan perhubungan peribadi dan bersifat keindividuan; kebanyakan unsur-unsur komunikasi bukan lisan dimanifestasikan melalui manipulasi perkataan seperti menggunakan huruf besar, penyingkatan kata, pernyataan tingkah laku, dan ciri-ciri kebahasaan yang digunakan dalam komunikasi lisan; dan ciri-ciri komunikasi yang wujud adalah berkait rapat dengan sifat asas *IRC* sebagai medium elektronik. Kesimpulannya, kajian ini telah memperlihatkan kandungan komunikasi *IRC* yang agak unik dan berbeza dengan komunikasi bersemuka. Kandungan komunikasi yang terhasil dan diterimaguna dalam perbualan telah membentuk satu set nilai dan amalan di kalangan peserta sebagai sebuah komuniti maya dalam usaha melancarkan interaksi dan mencapai komunikasi yang berkesan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**PATTERNS OF COMMUNICATION IN IRC: A STUDY OF ALAMAK
INTERNET WEB FREE CHAT CHANNEL MALAYSIA/
KAMPUNG_AMAN**

By

WAN ANITA WAN ABAS

February 2002

Chairman : Associate Professor Hj Musa Abu Hassan, Ph.D.

Faculty : Modern Languages and Communication

Computer-mediated communication (CMC) is amongst the latest form of communication. This is a form of communication that has been claimed to have potential to ease communication regardless of culture, space, time, and physical boundary. Based on that potential, this study attempts to explore the contents of communication patterns formed in Internet Relay Chat (IRC) which is one of the latest medium in CMC. This study has applied the qualitative method based on Ethnography of Communication by examining the contents of the communication to identify the way users communicate in cyberspace. The data for the study was obtained from the recorded 30 minutes IRC conversations gathered from the channel Malaysia/Kampung_Aman Alamak webchat. There were 579 utterances from the interaction of 120 participants. The IRC conversation interaction was analyzed based on SPEAKING grid model and



Peirce's Sign theory. The study shows that in IRC conversations participants discussed various issues and topics that relate to personal relationships and it is very individualistic; most of the non-verbal cues being manifested through the manipulation of words such as the use of capital letters, abbreviations, action statements, and other terminology of language in verbal communication; and the elements that is prevalent is related to the basic characteristics of IRC as an electronic medium. In conclusion, this study has shown that the contents of the IRC communication patterns is unique and have been accepted and used in conversations to form a set of values and rituals among participants as a cyber community in ensuring the smooth and effective flow communication.



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah s.w.t dengan berkat keizinan dan kekuatan daripadaNya, akhirnya tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya

Dengan penuh takzim dan rendah diri saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Prof Madya Dr Hj Musa Abu Hassan yang telah membimbing dan menyelia saya dalam proses penyelidikan dan pelaporan ini khususnya dan secara umumnya di sepanjang pengajian saya di UPM. Di samping itu, penghargaan ini juga ditujukan khas buat kedua-dua ahli Jawatankuasa Penyeliaan Dr Narimah Ismail dan Prof Madya Dr Hj Md Salleh Hassan yang turut banyak membantu saya. Sesungguhnya sokongan dan sumbangan kalian dalam bidang keilmuan tidak dapat dibalas dengan harta dunia, hanya Allah sahaja yang dapat memberi ganjarannya.

Pada ruangan yang terhad ini juga, saya dedikasikan kejayaan ini untuk Allahyarhamah ibunda tercinta Hajah Sapiah Taib (al-Fatihah untuk bonda) yang telah pulang ke Rahmatullah pada 9 Julai 2000 yang baru lalu dan kepada ayahanda Haji Wan Abas Haji Wan Ahmad. Tanpa kalian berdua anakanda



tidak wujud di dunia ini. Sesungguhnya jasa ayahanda dan bonda tidak terbalas oleh anakanda walau sebesar zarah sekalipun. Ya Allah Ya Tuhan kami, kasihanilah kedua ibu bapa kami sebagaimana mereka mengasihani hambamu ini semasa kami kecil.

Tesis ini juga didedikasikan kepada suami tercinta Mohd Azam Bin Mohd Alwi dan pengikat kasih kami: Aisyah Syafiqah Mohd Azam dan Muhammad Afiq Mohd Azam yang senantiasa berada di samping dalam memberi semangat dan sumber inspirasi serta cabaran dalam mengharungi dunia sebagai seorang pelajar, isteri, dan ibu. Sesungguhnya kasih sayang kalian tiada ternilaikan.

Akhir sekali, saya juga amat berterima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan tesis ini secara khusus dan dalam kehidupan saya keseluruhannya. Semoga tesis ini akan dapat dimanfaatkan untuk kebaikan semua.

Sekian, Jazakumullah hukhairan kathira.

*Pisang emas dibawa belayar, masak sebiji di atas peti,
hutang emas boleh dibayar, ilmu dan budi dibawa mati.*



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Wan Anita binti Wan Abas telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 1hb. Februari 2002 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk “Pola Komunikasi Dalam IRC: Kajian Di *Alamak Internet Web Free Chat* Saluran Malaysia/ Kampung_Aman” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

SITI ZOBIDAH BT OMAR, Ph.D.

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

MUSA BIN ABU HASSAN, Ph.D.

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

NARIMAH BT ISMAIL, Ph.D.

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

MD SALLEH BIN HASSAN, Ph.D.

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



SHAMSHER MOHAMAD RAMADILI, Ph.D.

Profesor/ Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 1 APR 2002

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Master Sains.


AINI IDERIS, Ph.D.
Profesor/ Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberikan penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain.



WAN ANITA BINTI WAN ABAS

Tarikh: 1/04/02

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK.....	ii
ABSTRACT.....	iv
PENGHARGAAN.....	vi
PENGESAHAN.....	viii
PENGAKUAN.....	x
SENARAI JADUAL.....	xiv
SENARAI RAJAH.....	xv

BAB

I	Pengenalan	1
	Latar Belakang Permasalahan Kajian.....	1
	Permasalahan Kajian.....	7
	Objektif Kajian.....	12
	Objektif Umum.....	12
	Objektif Khusus.....	12
	Kepentingan Kajian.....	13
	Limitasi Kajian.....	15
II	Sorotan Bahan Bertulis	16
	Latar Belakang Internet dan IRC.....	16
	Internet-Latar Belakang Sejarah dan Teknikal	16
	IRC-Latar Belakang Sejarah dan Teknikal....	20
	Realiti Komunikasi Berantarkan Komputer.....	26
	Pola Komunikasi IRC.....	34
	Nilai dan Amalan	35
	Bentuk Bahasa IRC	36
	Komunikasi Lisan dan Bukan Lisan	38
	Penyamaran	46
	Teori.....	47
	<i>SPEAKING Model</i>	48
	Teori Isyarat/Symbol Peirce.....	53



III	METODOLOGI	56
	Kaedah Kualitatif.....	56
	Etnografi Komunikasi.....	57
	Jenis Data.....	59
	Prosedur Memungut Data.....	60
	Skrip Perbualan IRC.....	60
	Dokumentasi.....	66
	Temu Bual Peserta IRC.....	67
	Analisis Data.....	68
	Pengenalpastian Peristiwa Komunikasi.....	70
	Komponen Komunikasi sebagai	
	Unit Analisis.....	70
	Perkaitan antara Komponen.....	71
	Pendekatan Semiologi.....	72
	Kesahan dan Keandalan.....	74
	Isu Etika dalam Pungutan Data.....	76
IV	HASIL DAN PERBINCANGAN	79
	Latar Belakang Perbualan.....	79
	Transkrip Perbualan.....	79
	Identiti Peserta: Penggunaan Nama Samaran	80
	Latar Tempat dan Kejadian Perbualan.....	83
	Ciri dan Peranan Peserta.....	87
	Topik dan Isu Perbualan.....	91
	Komunikasi Bukan Lisan.....	101
	Penggunaan Urutan Vokal dan Konsonan.....	102
	Penggunaan Huruf Besar.....	104
	Pencampuran Huruf Besar dan Kecil.....	106
	Pernyataan Tingkah Laku dan Emosi.....	108
	Penggunaan Urutan Tanda Titik.....	110
	Ciri Bahasa.....	112
	Ujaran Pendek.....	113
	Penyingkatan Kata.....	114
	Kesalahan Ejaan.....	118
	Ejaan Mengikuti Sebutan Percakapan.....	118
	Bahasa Slanga.....	120
	Pengaruh Dwibahasa.....	124
	Perkaitan antara Pola Komunikasi dan Sifat Asas	
	IRC.....	128
	Kesimpulan.....	132

V	RINGKASAN, KESIMPULAN, DAN CADANGAN	133
	Ringkasan Kajian.....	133
	Topik/ isu Perbualan.....	134
	Manipulasi Bahasa dan Simbol.....	135
	Perkaitan Pola Komunikasi dan Sifat Asas IRC	135
	Nilai dan Amalan.....	136
	Penyamaran dan Pembohongan.....	139
	Penilaian Model SPEAKING.....	141
	Kesimpulan.....	143
	Implikasi dan Cadangan.....	144
	BIBLIOGRAFI.....	147
	LAMPIRAN	156
	A: Transkrip Perbualan IRC.....	156
	B: Senarai Peserta.....	173
	C: Contoh Perubahan Babak Perbualan.....	175
	BIODATA PENULIS.....	177



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Kategori Nama Samaran.....	80
2	Tahap Sumbangan Peserta Perbualan IRC Mengikut Kategori.....	90
3	Kategori Topik/isu Perbualan.....	98
4	Penggunaan Urutan Vokal dan Konsonan.....	102
5	Penggunaan Huruf Besar.....	105
6	Penggunaan Kombinasi Huruf Besar dan Huruf Kecil.....	107
7	Pernyataan Tingkah Laku.....	109
8	Penggunaan Urutan Tanda Titik.....	111
9	Penyingkatan Kata Dalam Ujaran.....	115
10	Tafsiran Singkatan.....	116
11	Kesalahan Ejaan Yang Disengajakan.....	119
12	Bahasa Slanga.....	121
13	Pengaruh Dwibahasa.....	125
14	Frasa Bahasa Inggeris DiMelayukan.....	126



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Sistem Rangkaian Pelayan Pelanggan Internet.....	17
2	Persilangan Ciri <i>IRC</i> dengan Media Telefon dan Penulisan Surat.....	22
3	Talian Komunikasi.....	37
4	Teori Isyarat Peirce.....	54
5	Urutan Tingkah Laku dalam <i>IRC</i>	85



BAB I

PENGENALAN

Bab ini memperkenalkan latar belakang dan ide asas yang memberi sumbangan terhadap kajian ini yang telah disusun mengikut keutamaan topik seperti berikut:

1. Latar belakang permasalahan kajian, 2. Permasalahan kajian, 3. Objektif kajian, 4. Kepentingan kajian, dan 5. Limitasi kajian.

Latar Belakang Permasalahan Kajian

Dunia teknologi maklumat telah berubah dengan begitu pantas sekali dalam memenuhi segala kehendak manusia. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi masa kini telah membolehkan manusia berhubung dengan lebih mudah, pantas dan menjimatkan walaupun mereka dipisahkan oleh jarak fizikal dan masa yang berbeza. Skop perhubungan sebegini atau jaringan komputer yang meluas telah berkembang pesat semenjak pengenalan jaringan komputer pertama oleh ARPANET pada tahun 1968, yang asas ciptaannya adalah untuk tujuan komunikasi berantaraan komputer.

Komputer sebagai saluran mesej komunikasi mengambil satu lagi dimensi apabila dikatakan potensi kuasa pengkomputeran dan perisiannya dapat merubah kandungan saluran tersebut. Williams (1982) (dalam Chesebro & Bertelsen, 1996) menyatakan bahawa komputer adalah teknologi komunikasi yang mampu untuk mengambil dan menghantar semula mesej secara interaktif kepada penggunanya.

Teknologi komunikasi berantaraan komputer menawarkan alternatif baru kepada dua atau lebih individu yang saling tidak mengenali untuk berkomunikasi bagi menjalankan aktiviti harian. Teknologi ini membenarkan manusia untuk membentuk hubungan melalui komputer tanpa mengira tempat.

Apa sebenarnya komunikasi berantaraan komputer atau *computer-mediated communication (CMC)*? Rice (1992) mendefinisikan *CMC* yang digunakan untuk “perbualan” sebagai media yang memberi kemudahan terhadap pertukaran kandungan semantik, dihantar melalui rangkaian telekomunikasi, diproses melalui satu atau lebih komputer, antara individu ataupun kumpulan.

Takrifan lain yang dikemukakan oleh Walther (1992) ialah *CMC* sebagai mel elektronik dan persidangan komputer yang segerak atau tidak segerak, yang melibatkan penghantar menghantar mesej dalam bentuk teks dan kemudiannya disiarkan pada skrin komputer penerima. Menurut Herring (1996a) *CMC* ialah

“...komunikasi yang berlaku antara manusia melalui perantaraan komputer” (ms. 1).

Dengan erti kata lain, komunikasi yang berlaku bukanlah komunikasi bersemuka. Individu-individu yang berhubungan mencipta mesej di komputer peribadi mereka dan menghantarnya menerusi sistem penghantaran tidak berwayar kepada para penerima yang dikenali atau tidak dikenali. Jaringan komputer boleh dibentuk dengan menggunakan salah satu daripada sistem protokol yang menghasilkan pelbagai bentuk dan fungsi seperti; *LANs (Local Area Networks)*, *WANs (Wide Area Networks)*, *intranets*, *internets*, dan Internet.

Sistem komunikasi berasaskan komputer ini biasanya menyediakan perkhidmatan untuk mel elektronik (termasuk *listservs* dan kumpulan perbincangan), kumpulan berita USENET, sistem papan buletin (*Bulletin Board Systems/BBSs*), *Internet Relay Chat (IRC)*, *multi-user dungeons/domain/dimensions (MUDs)*, dan *World-Wide Web (WWW)* (Ebersole, 1997). Bentuk CMC yang paling biasa adalah mel elektronik atau e-mel. Ia adalah sistem mesej elektronik yang menggunakan infrastruktur telekomunikasi untuk menghubungkan komputer-komputer di seluruh dunia. *Listserv* adalah sejenis perkhidmatan mesej mel elektronik automatik yang membolehkan pengguna individu untuk berkomunikasi dengan seberapa ramai pengguna lain yang berkongsi minat yang sama. Perkhidmatan Sistem Papan Buletin atau *BBSs* pula membolehkan para

pengguna menghubungkan komputer mereka dengan menggunakan modem dan talian telefon untuk berkongsi mesej, fail, dan perisian.

Kumpulan berita *Usenet* ialah sejenis sistem gabungan antara *listservs* dan *BBSs* yang digunakan untuk berkongsi mesej, fail dan perisian. Perkhidmatan lain yang boleh didapati menerusi Internet adalah termasuk *WWW*, *IRC*, dan pelbagai bentuk *MUDs* dan *MOOs* (*Multi-User Object Oriented system*). Jaringan Luas Sedunia atau *World-Wide Web (WWW)* yang menyediakan antaramuka grafik kepada para pengguna untuk melihat teks, grafik, gambar, dan untuk menikmati audio dan video. *Internet Relay Chat* adalah berbeza daripada mel elektronik kerana *IRC* adalah bersifat asinkroni membolehkan dua atau lebih pengguna untuk menghantar mesej secara serentak dengan setiap pengguna dapat melihat semua mesej di layar semasa mereka menghantar dan menerima mesej. *IRC*, *MUDs* dan *MOOs* pada dasarnya adalah lebih kepada aplikasi teks. Namun demikian perkembangan dalam penggunaan model 3-D dan perisian realiti maya telah menjadikan penggunaan *MUDs* dan *MOOs* lebih popular dan mencakupi pelbagai bidang daripada permainan sehinggalah pendidikan berkomputer.

Kandungan *CMC* ini pada asasnya adalah pelbagai. Mesej berantarkan komputer ini berpotensi untuk membuka ruang niaga; memulakan, mengekalkan, atau memutuskan hubungan persahabatan; menyebarkan maklumat kewangan, sukan, atau berita; membolehkan kerjasama dan kajian akademik dilakukan; atau

memudahkan penyebaran fahaman pegganas atau pelampau. Kesimpulannya, kepelbagaian mesej yang dipindahkan melalui jaringan komputer ini adalah sangat komprehensif (Ebersole, 1997).

Berdasarkan sifat *CMC* yang begitu komprehensif, tanggapan *CMC* sama ada sebagai saluran komunikasi massa atau bersifat peribadi menjadi semakin kabur. Infante, Rancer, dan Womack (1993), membincangkan *Theory of Mediated Interpersonal Communication* yang diutarakan oleh Cathcart dan Gumpert sebagai satu pendekatan untuk “menggabungkan hubungan antara perseorangan dan penyelidikan komunikasi massa dalam pembentukan teori” (ms 401). Cathcart dan Gumpert (1983) mentakrifkan komunikasi antara perseorangan yang berperantaraan sebagai, “sebarang interaksi antara perseorangan yang menjadikan medium sebagai perantara untuk mengatasi limitasi masa dan ruang” (ms 271). Menurut Beniger (1987), pembangunan infrastruktur teknologi membolehkan pertambahan mesej massa perseorangan berperantaraan telah memudahkan pertumbuhan “komuniti palsu” (ms 354). Manakala Reardon dan Rogers (1988) menegaskan bahawa pemisahan komunikasi kepada kategori antara perseorangan dan massa tidak begitu sesuai lagi pada masa sekarang.

Penyimpangan pendapat tentang komunikasi antara perseorangan dan massa tidak lagi nampak jelas dalam konteks *CMC*. Semasa aspek *CMC* secara jelas berbentuk peribadi (contohnya urusan surat-menyurat antara perseorangan

melalui mel elektronik), aplikasi lain dalam mel elektronik seperti *listservs* dan kumpulan perbincangan menjadikannya bersifat perkhidmatan untuk khalayak massa. Walau bagaimanapun, *WWW* mungkin dapat dianggap sebagai media massa, terutamanya apabila kandungannya sama dengan media massa konvensional. Pada masa yang sama dalam *WWW* pengguna juga akan selalu menjumpai komponen yang memudahkan komunikasi antara perseorangan seperti bilik *chat* atau pelawaan menghubungi *webmaster* melalui mel elektronik. Reardon dan Rogers (1988) menegaskan bahawa keadaan interaktif sesuatu media baru menjadikannya sukar untuk dikategorikan sama ada sebagai saluran antara perseorangan atau media massa. Dengan kata lain, halaman web mungkin dicipta untuk khalayak massa dan menerima beribu-ribu “kunjungan” sehari. Sebaliknya, web juga mungkin memudahkan aplikasi mel-elektronik peribadi antara sesama pengguna, atau antara “penulis” dan “pembaca”.

Seperti yang dinyatakan oleh Morris dan Ogan (1996), Internet mengandungi pelbagai bentuk aplikasi yang menunjukkan perkaitan antara komunikasi antara perseorangan dan massa. Sebagai kesimpulannya, komunikasi berantaraan komputer boleh berfungsi sebagai media komunikasi massa atau pada masa yang sama sebagai perantaraan komunikasi antara perseorangan.

Permasalahan Kajian

Perkembangan Internet telah turut dirasai di Malaysia. Internet adalah antara hasil manifestasi komunikasi berantaraan komputer yang terkini pada zaman teknologi maklumat ini. Internet telah mula diperkenalkan di Malaysia pada pertengahan tahun 1980-an apabila Rangkom (Rangkaian Komputer Malaysia) ditubuhkan pada tahun 1986 oleh Dr Mohamed Awang-Lah (Rahmah et al., 2000). Pada masa itu, Rangkom telah menghubungkan empat buah universiti tempatan iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), dan Universiti Malaya (UM) dan rangkaian ini terhad pada perkhidmatan mel elektronik dan kumpulan berita USENET sahaja (Rahmah et al., 2000).

Semenjak pengenalan ini, kadar pertumbuhan perkhidmatan Internet berkembang pesat dengan sokongan dan galakan daripada kerajaan kepada rakyat Malaysia. Peningkatan yang begitu drastik dapat dilihat semenjak pada tahun 1995 yang mencatatkan penambahan dari 20,000 pelanggan berdaftar menjadi 485,000 pada tahun 1999, dan 1,512,000 pada tahun 2000. Pada tahun 2005 dianggarkan pelanggan Internet akan mencecah 4.5 juta orang dan dijangkakan Internet akan dapat dicapai oleh 20 orang daripada setiap 100 orang (Media Guide, 2001).

Menurut satu kajian yang dijalankan oleh Gupta dan Pit Kow (1995) (dalam Tih Sio Hong, 1998), penggunaan Internet di Amerika Syarikat untuk tujuan berbual menduduki tangga teratas iaitu sebanyak 83 peratus berbanding dengan tujuan lain. Internet adalah antara media komunikasi berkomputer yang amat popular di kalangan masyarakat Malaysia hari ini terutama bagi golongan generasi muda di bandar sebagai aktiviti untuk mengisi masa lapang (Latifah & Samsudin, 2000a & b). Antara aplikasi Internet yang popular di kalangan remaja ini termasuklah *IRC* selain muzik, sukan, dan permainan. *IRC* telah menjadi satu “tempat” bagi mereka mencari dan berjumpa kenalan baru (Latifah dan Samsudin, 2000a & b).

Perkembangan Internet ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat hari ini telah mempunyai alternatif baru untuk bersosial terutamanya melalui *IRC*. *IRC* adalah antara aplikasi Internet berbentuk komunikasi perbualan bersifat serentak (sinkroni) yang mendapat tempat di kalangan pengguna. *IRC* berpotensi membentuk satu budaya komunikasi kemanusiaan di kalangan komuniti maya yang tersendiri atau sekurang-kurangnya dilihat sebagai satu saluran yang berjaya memulakan perjumpaan dan interaksi di kalangan pengguna.

Perjumpaan dan interaksi para pengguna di *IRC* dapat menghasilkan satu jalinan hubungan yang berlanjutan sehingga ke dunia nyata yang disusuli dengan pelbagai saluran komunikasi lain. Malah terdapat pasangan-pasangan *IRC* ini telah menjalin hubungan yang lebih intim sehingga membawa kepada

perkahwinan dan tidak kurang juga yang menyebabkan penceraian seperti mana yang dilaporkan oleh majalah *The Web* (2000) dalam isu percintaan elektronik.

Secara umumnya, penggunaan *IRC* ini boleh membawa kesan baik dan buruk. Kesan baik telahpun sedia dimaklumi tetapi kesan buruknya perlu dipandang serius. Antara kesan buruk *IRC* adalah melibatkan isu penyalahgunaan *IRC*, contohnya dijadikan medan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab untuk mencari mangsa seks di kalangan golongan remaja. Suraiya (2001) melaporkan kenyataan daripada media United Kingdom bahawa Patrick Green 33 tahun telah dipenjarakan lima tahun kerana melakukan hubungan seks dengan gadis 13 tahun yang dikenali melalui ruang sembang Yahoo di Internet. Selain itu, di Singapura lima gadis remaja dan seorang wanita berusia lingkungan 20-an telah diperkosa oleh lelaki yang dikenali melalui talian sembang di Internet (dalam Suraiya, 2001). Suraiya (2001) juga menyatakan di Malaysia kejadian sama dikatakan pernah berlaku membabitkan gadis remaja.

Kejadian sebegini tidak menghairankan kerana Laporan Kaji Selidik Gaya Hidup Belia dan Kenalan Internet 1999 oleh Majlis Belia Malaysia mendapati bahawa 53.4 peratus daripada 118 responden memberi maklumat peribadi kepada kenalan Internet mereka. Kaji selidik ini juga mendapati 78.8 peratus pernah bersemuka dengan kenalan Internet dan 15 peratus responden menggunakan Internet untuk mencari pasangan seks. Sehubungan dengan itu, kajian Musa dan